



SIARAN MEDIA

MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU) TERUS AKTIF DAN KONSTRUKTIF DEMI KEPENTINGAN KOMUNITI OKU

PUTRAJAYA, 23 Julai 2025 – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) Bilangan 2 Tahun 2025. Mesyuarat MKBOKU merupakan platform tertinggi berkaitan dasar dan hal ehwal OKU dan Majlis ini memainkan peranan strategik dalam menyelaras dan menasihati Kerajaan mengenai isu-isu penting yang melibatkan komuniti OKU merentas Kementerian dan Jabatan/Agensi.

Antara agenda yang dibincangkan pada mesyuarat kali ini adalah mengenai perkembangan Pelan Tindakan OKU (PTOKU) dan mengenal pasti mekanisma pemantauan dan pelaporan yang sesuai bagi setiap program. Dalam mesyuarat kali ini, seramai 10 orang Anggota MKBOKU yang baharu telah dilantik untuk tempoh dua tahun berkuatkuasa mulai 23 Julai 2025 sehingga 22 Jun 2027.

Keanggotaan pada kali ini disifatkan sebagai keanggotaan yang seimbang iaitu seramai lapan (8) orang yang dilantik mewakili komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) dan dua (2) orang adalah mewakili komuniti biasa dalam pelbagai jawatan seperti ahli jawatankuasa pertubuhan, pesara kerajaan, usahawan, guru pendidikan khas, pakar perubatan psikiatri dan pensyarah *occupational therapy* (terapi carakerja) di universiti awam.

Mesyuarat ini juga meraikan seramai sepuluh (10) anggota Majlis sesi 2023–2025 yang telah menamatkan tempoh pelantikan mereka bagi memberi penghargaan terhadap sumbangan dan komitmen yang diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat komited dalam memastikan MKBOKU menjadi simbol komitmen Kerajaan dalam memperkasa hak dan martabat OKU sebagaimana yang digariskan dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Persefahaman antara semua kementerian, agensi dan individu dalam membuat keputusan dan syor melalui Mesyuarat ini dapat diterjemahkan kepada tindakan yang memberi manfaat langsung kepada komuniti OKU – khususnya dalam aspek pendidikan, pekerjaan, akses fizikal, teknologi, kesihatan dan perlindungan sosial.

####

**UNIT PERHUBUNGAN AWAM
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
23 JULAI 2025**